

OUR COMMITMENT TO EMPLOYEES UNDER THE MSPO CHAIN OF CUSTODY OF OIL PALM BIOMASS (MS 2751:2022)

As part of our compliance with the **Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Chain of Custody (CoC) for Oil Palm Biomass (MS 2751:2022)**, Nextgreen is committed to practices that uphold employee welfare, legal rights, and dignity. This commitment applies to all employees—permanent, contract, and temporary—engaged in our MSPO CoC-related activities.

1. Safe and Healthy Workplace

We provide a safe, clean, and healthy working environment and implement preventive controls to minimise workplace hazards. We comply with applicable occupational safety and health laws and maintain emergency preparedness, incident reporting, and corrective-action processes.

2. Fair Employment and Equal Opportunity

Employment decisions are based on merit, competence, and performance. We prohibit discrimination on the basis of gender, age, ethnicity, disability, pregnancy, marital status, religion, or any other status protected by law. Reasonable accommodation will be considered where practicable.

3. Prohibition of Forced, Bonded, and Child Labour

Forced, bonded, trafficked, or involuntary prison labour is strictly prohibited. We do not employ anyone below the legal minimum working age and adhere to all young-worker protections where applicable. Employees retain control of their personal documents; we do not retain passports or identity cards.

4. Respect for Employee Rights and Welfare

We comply with national labour laws on wages, benefits, working hours, overtime, rest days, and leave. Pay is timely, transparent, and itemised. We prohibit harassment, abuse, and inhumane or degrading treatment.

5. Freedom of Association

We respect employees' freedom of association in accordance with applicable laws. As a non-unionised organisation, we provide lawful channels for worker representation and dialogue.

6. Ethical Recruitment (Employer-Pays Principle)

Recruitment is conducted ethically and lawfully. No worker shall pay recruitment fees or related costs to obtain or keep employment with us. Where fees are identified, we will remediate in line with our grievance and remediation procedure.

7. Capacity Building and Professional Development

We provide training to build competence in safety, job performance, and compliance with MSPO CoC requirements. Managers receive targeted training to uphold these standards.

8. Ethical Conduct and Integrity

All employees must act with integrity, honesty, and accountability, safeguarding company assets and confidential information, and avoiding conflicts of interest. Misconduct is addressed through fair and consistent disciplinary procedures.

9. Grievance, Whistleblowing, and Non-Retaliation

We maintain accessible channels for employees to raise concerns confidentially or anonymously, without fear of retaliation. All grievances are recorded, investigated promptly, and closed with appropriate remediation.

10. **Employee Engagement and Feedback**

We encourage constructive feedback and participation in wellbeing and sustainability initiatives. Outcomes and improvements will be communicated to employees in a timely manner.

Implementation and Governance

- **Policies & Procedures:** Supporting procedures (HSE, recruitment, wages and hours, grievance handling, disciplinary, and whistleblowing) are maintained and periodically updated.
- **Roles & Responsibilities:** Management is accountable for implementation; supervisors are responsible for day-to-day compliance; every employee is responsible for following policies and reporting concerns.
- **Monitoring & Improvement:** We conduct regular internal checks and management reviews relevant to MSPO CoC, track corrective actions, and drive continual improvement.

Communication and Training

This commitment is communicated to all employees in languages they understand and displayed at relevant worksites. Induction and periodic refresher training cover key rights and responsibilities, including safety, working hours, wages, and grievance channels.

This commitment reflects Nextgreen's dedication to meeting MSPO CoC of Oil Palm Biomass (MS 2751:2022) requirements while fostering a fair, safe, and sustainable workplace. It is reviewed at least annually, or sooner if there are changes in law, standards, or business operations, to ensure ongoing alignment with MS 2751:2022.

**NEXTGREEN PULP & PAPER SDN. BHD.
1 NOVEMBER 2025**

KOMITMEN NEXTGREEN KEPADA PEKERJA DI BAWAH MSPO CHAIN OF CUSTODY OF OIL PALM BIOMASS (MS 2751:2022)

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami terhadap pematuhan *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Chain of Custody (CoC) for Oil Palm Biomass (MS 2751:2022)*, Nextgreen beriltizam untuk melaksanakan amalan pengurusan lestari yang memelihara kebajikan, hak perundangan, serta maruah setiap pekerja di seluruh operasi syarikat. Komitmen ini merangkumi semua pekerja — tetap, kontrak, dan sementara yang terlibat dalam aktiviti berkaitan MSPO (MS 2751:2022).

1. Tempat Kerja yang Selamat dan Sihat

Kami menyediakan persekitaran kerja yang selamat, bersih, dan sihat, serta melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan kawalan risiko bagi meminimumkan sebarang bahaya di tempat kerja. Kami juga mematuhi sepenuhnya semua undang-undang dan peraturan keselamatan serta kesihatan pekerjaan yang berkuat kuasa, di samping mengekalkan kesiapsiagaan kecemasan, pelaporan insiden, dan pelaksanaan tindakan pembetulan secara berterusan bagi mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di seluruh organisasi.

2. Pekerjaan Adil dan Peluang Sama Rata

Keputusan pengambilan dan pengurusan pekerjaan dibuat berdasarkan kelayakan, kecekapan, dan prestasi. Kami melarang sebarang bentuk diskriminasi berasaskan jantina, umur, etnik, ketidakupayaan, kehamilan, status perkahwinan, agama, atau sebarang status lain yang dilindungi oleh undang-undang. Selain itu, pertimbangan munasabah akan diberikan bagi memenuhi keperluan individu sekiranya keadaan dan keupayaan operasi mengizinkan, sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mewujudkan persekitaran kerja yang inklusif dan saksama.

3. Larangan Buruh Paksa, Terikat dan Buruh Kanak-kanak

Nextgreen menegaskan komitmen tegas terhadap larangan penggunaan buruh paksa, buruh terikat, buruh perdagangan manusia, dan buruh penjara secara tidak sukarela. Kami tidak menggaji individu di bawah umur minimum bekerja yang ditetapkan oleh undang-undang serta mematuhi sepenuhnya peraturan dan perlindungan berkaitan pekerja muda yang berkuat kuasa. Selain itu, setiap pekerja berhak menyimpan dan mengawal dokumen pengenalan diri mereka sendiri, termasuk pasport dan kad pengenalan, bagi memastikan kebebasan, maruah, dan hak asasi pekerja sentiasa dihormati.

4. Penghormatan terhadap Hak dan Kebajikan Pekerja

Kami mematuhi semua undang-undang buruh negara yang berkaitan dengan gaji, faedah, waktu bekerja, kerja lebih masa, hari rehat, dan cuti. Kami memastikan setiap pembayaran gaji dibuat secara tepat pada masanya, telus, dan disertakan dengan butiran yang lengkap. Kami juga melarang sebarang bentuk gangguan, penyalahgunaan, serta layanan yang tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah terhadap mana-mana pekerja.

5. Kebebasan Berpersatuan

Kami menghormati hak dan kebebasan pekerja untuk berpersatuan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Sebagai sebuah organisasi yang tidak berunion, kami menyediakan saluran komunikasi yang sah dan telus bagi membolehkan wakil pekerja berinteraksi, menyuarakan pandangan, serta mengadakan dialog dengan pihak pengurusan secara terbuka dan konstruktif.

6. Pengambilan Secara Beretika (Prinsip Tanggungjawab Pembayaran oleh Majikan)

Kami bertekad untuk melaksanakan proses pengambilan pekerja secara beretika dan mematuhi semua undang-undang yang berkuat kuasa. Dibenarkan untuk membayar sebarang yuran atau kos berkaitan pengambilan kerja bagi tujuan mendapatkan atau mengekalkan pekerjaan di syarikat ini. Sekiranya terdapat sebarang yuran atau bayaran sedemikian dikenal pasti, Nextgreen akan melaksanakan langkah pembetulan sewajarnya mengikut prosedur aduan dan pembetulan syarikat.

7. Pembangunan Keupayaan dan Pembangunan Profesional

Nextgreen beriltizam untuk memperkukuh keupayaan dan kecekapan pekerja melalui pelaksanaan program latihan berterusan yang merangkumi aspek keselamatan, prestasi kerja, serta pematuhan terhadap keperluan *MSPO CoC*. Selain itu, pengurus dan penyelia diberikan latihan khusus dan bersasar bagi memastikan pemahaman, pelaksanaan, dan pematuhan terhadap piawaian *MSPO CoC* sentiasa dikekalkan dan dipertingkatkan di seluruh organisasi.

8. Tingkah Laku Beretika dan Integriti

Setiap pekerja hendaklah bertindak dengan integriti, kejujuran, dan akauntabiliti dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab masing-masing. Pekerja juga diwajibkan untuk melindungi aset dan maklumat sulit syarikat serta mengelakkan sebarang konflik kepentingan yang boleh menjejaskan reputasi dan kepercayaan terhadap organisasi. Sebarang bentuk salah laku atau pelanggaran etika akan ditangani melalui prosedur tatatertib yang adil, telus, dan konsisten.

9. Aduan, Pendedahan, dan Larangan Tindakan Balas

Kami menyediakan saluran komunikasi yang mudah diakses, selamat, dan boleh dipercayai bagi membolehkan pekerja mengemukakan sebarang kebimbangan, aduan, atau pendedahan maklumat (*whistleblowing*) secara sulit atau tanpa nama, tanpa sebarang rasa takut terhadap tindakan balas. Setiap aduan yang diterima akan direkod, disiasat dengan teliti, dan diselesaikan dengan segera melalui langkah pembetulan yang sewajarnya.

10. Penglibatan dan Maklum Balas Pekerja

Kami menggalakkan maklum balas yang membina serta penyertaan aktif pekerja dalam pelbagai inisiatif kesejahteraan dan kelestarian. Hasil daripada penilaian, cadangan, dan penambahbaikan akan dikongsi bersama pekerja secara telus dan tepat pada masanya.

Pelaksanaan dan Tadbir Urus

- **Dasar dan Prosedur:** Prosedur sokongan seperti Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (HSE), pengambilan pekerja, gaji dan waktu bekerja, pengendalian aduan, tatatertib, dan pendedahan maklumat (*whistleblowing*) dikekalkan serta dikemas kini dari semasa ke semasa.
- **Peranan dan Tanggungjawab:** Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dan keberkesanan dasar, penyelia memastikan pematuhan harian di tempat kerja, manakala setiap pekerja bertanggungjawab untuk mematuhi dasar syarikat serta melaporkan sebarang kebimbangan atau pelanggaran etika.
- **Pemantauan dan Penambahbaikan:** Kami melaksanakan semakan dalaman dan kajian pengurusan secara berkala berkaitan pematuhan *MSPO CoC*, memantau tindakan pembetulan, dan menggalakkan penambahbaikan berterusan bagi meningkatkan prestasi tadbir urus dan keberkesanan sistem pengurusan.

Komunikasi dan Latihan

Nextgreen memastikan komitmen ini dikomunikasikan kepada semua pekerja secara telus dan dalam bahasa yang mudah difahami, serta dipamerkan di lokasi kerja yang berkaitan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman bersama. Syarikat turut melaksanakan sesi induksi dan latihan penyegaran secara berkala yang merangkumi hak dan tanggungjawab utama pekerja, termasuk aspek keselamatan, waktu bekerja, gaji, serta saluran aduan yang tersedia.

Komitmen ini mencerminkan dedikasi Nextgreen dalam memenuhi keperluan *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Chain of Custody (CoC) of Oil Palm Biomass (MS 2751:2022)*, di samping memupuk persekitaran kerja yang adil, selamat, dan lestari.

NEXTGREEN PULP & PAPER SDN. BHD.
1 NOVEMBER 2025